

NO. SOALAN: 366

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

RUJUKAN : 7676

SOALAN:

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) sejauh manakah keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap aktiviti 'online gambling' (mesin kuda) di Sibu memandangkan masih banyak aktiviti ini yang masih beroperasi dan kembali beroperasi walaupun setelah tindakan penguatkuasaan dijalankan; dan
- (b) jumlah kes yang telah disiasat dan jumlah kes yang telah diambil tindakan mahkamah sejak Januari 2014 hingga Februari 2015.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah perjudian ini yang banyak menimbulkan masalah sosial dan menghindari amalan negatif terutama di kalangan golongan remaja.

Statistik serbuan terhadap tempat perjudian di seluruh negara bagi tempoh Januari 2014 sehingga Januari 2015 seperti berikut:-

KONTINJEN	JUMLAH SERBUAN	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN
K. LUMPUR	13,786	1,199	2,440	21,680
SELANGOR	59,334	3,863	4,364	61,319
JOHOR	7,588	421	2,884	5,898
P. PINANG	8,564	461	702	7,249
SABAH	3,585	328	670	5,119
PERAK	5,888	457	862	7,471
SARAWAK	7,310	936	2,555	11,683
PAHANG	4,267	636	3,663	14,199
KEDAH	7,714	467	1,460	6,150
N/SEMBILAN	15,105	252	358	4,260
MELAKA	639	290	438	5,154
PERLIS	1	1	3	2
T/GANU	157	6	6	2
KELANTAN	3,656	20	108	275
JUMLAH	137,594	9,337	20,513	150,461

Secara statistiknya, daripada operasi yang dijalankan, pihak polis telah berjaya merampas sejumlah 150,491 unit komputer yang dianggarkan bernilai RM150,491,000 atas anggaran RM1,000 bagi setiap komputer dan komponen yang dirampas. Di samping itu, dalam tempoh yang sama, seramai 20,513 orang penganjur dan pemain telah ditangkap, 16,614 kertas siasatan telah dibuka dan 8,589 orang telah dituduh di Mahkamah di seluruh negara.

Statistik serbuan terhadap premis perjudian di daerah Sibu, Sarawak bagi Januari 2014 sehingga Februari 2015 seperti berikut:-

DAERAH	MESIN PERJUDIAN/SLOT JANUARI 2014 HINGGA FEBUARI 2015					
	SERBUAN	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN	WANG MEJA	PERTUDUHAN
SIBU	764	179	1,321	2,708	149,945	76

Bagi menjawab soalan (b), bagi tempoh yang sama, jumlah kertas siasatan yang dibuka dan jumlah pertuduhan di mahkamah di seluruh negara seperti berikut:-

KONTINJEN	JUMLAH IP	JUMLAH PERTUDUHAN
K. LUMPUR	1,341	210
SELANGOR	4,554	2,543
JOHOR	2,623	1,333
P. PINANG	1,283	1,235
SABAH	730	168
PERAK	1,154	317
SARAWAK	1,113	541
PAHANG	957	524
KEDAH	1,729	1,239
N/SEMILAN	515	237
MELAKA	283	96
PERLIS	97	82
T/GANU	88	28
KELANTAN	147	36
JUMLAH	16,614	8,589

Bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) dalam memastikan setiap lapisan warga PDRM akur dan mematuhi segala prosedur demi untuk memastikan gejala judi haram diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan bahawa premis tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram. Pihak JIPS telah membuat pemantauan di seluruh negara mulai bulan November 2014 sehingga kini. Statistik pemantauan oleh pihak JIPS bermula November 2014 sehingga 3 Mac 2015 seperti berikut:-

JUMLAH PEMANTAUAN	35,832
PREMIS TUTUP	35,058
PREMIS BUKA	808
SERBUAN	161
TANGKAPAN	620 ORANG
RAMPASAN BARANG	1,105
RAMPASAN WANG	RM 26,939

Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi (Op Dadu) yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku, namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis di samping orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.